

## PERTENGKARAN DI KAUNTER IMIGRESEN

**Kuala Lumpur:** "Hasil siasatan awal mendapati wujud unsur provokasi dari pada orang awam. Bagaimanapun tindakan pegawai imigresen itu bertentangan slogan jabatan iaitu Integriti, Professional, Mesra," ujar Ketua Penggarah Imigresen Datuk Seri Khairul Dzaimee Daud.

Beliau mengulas kes pertengkaran antara pelanggan dan seorang pegawai Jabatan Imigresen di kaunter Imigresen Pusat Transformasi Bandar (UTC), Seksyen 14 Shah Alam, baru-baru ini, sebelum ia tular di media sosial.

"Saya akui menjerit dan mengeluarkan kata kesat terhadap orang awam tidak sepautnya dilakukan seseorang pegawai imigresen yang juga penjawat awam," katanya.

Susulan itu pegawai imigresen terbabit ditukar ke bahagian lain dan berhadapan siasatan bahagian integriti Jabatan Imigresen.

Khairul Dzaimee berkata, pihaknya meman-

## *Pegawai ditukar, berdepan siasatan bahagian integriti*

dang serius kejadian itu dan berpendapat pegawai imigresen seharusnya lebih bijak mengawal diri dan mengambil sikap profesional, apabila berdepan provokasi lisan oleh orang awam kerana mereka sudah diberi latihan dan tunjuk ajar mencukupi.

"Pelbagai kemudahan disediakan untuk orang ramai memperbarui pasport mereka seperti permohonan dalam talian dan pemanjangan wak-

tu operasi termasuk Sabtu dan Ahad. Jabatan Imigresen (JIM) menasihatkan orang ramai supaya sentiasa merujuk laman sosial jabatan ini untuk maklumat terkini.

"JIM juga ingin menerangkan tiada kompromi terhadap mana-mana pegawai bersikap tidak profesional, dalam masa sama jabatan ini juga akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang cuba memburukkan imej dan kredibiliti jabatan ini," katanya.

**“  
Hasil siasatan  
awal mendapati  
wujud unsur  
provokasi daripada  
orang awam  
Khairul Dzaimee”**

